



BULETIN BAKEMAS

5 3/2008 September 2008

I Ramadhan 1429 H

AKTIVITI RAMADHAN 1429H

Blurrrrp!, tersandar di tiang rumah, "warek" kata orang Jawa. Bila dah kenyang mulalah cari alasan untuk tunggu nasi padat ke usus perut, nanti kalau solat terus takut keluar balik, diatas meja masih ada yang berbaki, dalam bungkus pun masih ada yang belum dibuka. "Nanti sebelum pergi terawih belalah lagi-lah!". Sebelum tu tengoklah tv dulu, berita kan penting, bulan puasa pun kena ambil tahu politik negara, Azanpun berkumandang, nasib baik sempat solat maghrib itupun dihujung tanduk maghribnya. Malasnya nak pergi terawih, buat lapan sudah la, Rasul pun buat lapan aje. Dah lambat ni terawih kat rumah je lah. Best pulak tv malam ni..... EPL pulak tu, boleh ke dapat lailatul qadr nie?.....

...aburazeen.blogspot.com



Aktiviti bulan Ramadhan 1429H Tema "Tarbiyah Ramadhan dalam pembentukan peribadi Mukmin", Ceramah perdana, Tadarrus, Khatam Quran, Bacaan Yassin dan Tahlil, Bacaan Tazkirah Nida' Ramadhan, Pertandingan kuiz mingguan Ramadhan, teka silang kata, mengarang cerpen dan sajak



Shah Alam – Sepanjang bulan Ramadhan ini pihak BAKEMAS telah mengadakan beberapa aktiviti untuk menghidupkan bulan Ramadhan ini sebagai Bulan Tarbiyah bagi ahli-ahlinya. Di samping itu, beberapa aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan ini.


YDP BAKEMAS, Y.A Tuan Haji Abu Zaky Bin Mohammad telah memberitahu Buletin BAKEMAS di sini bahawa BAKEMAS melalui Biro Pendidikan dan Dakwah telah merancang aktiviti lhya' Ramadhan dengan tema "Tarbiyah Ramadhan dalam pembentukan peribadi Mukmin". Tema ini adalah bertepatan dengan masa dan ketikanya umat Islam menyambut bulan Ramadhan. BAKEMAS turut bekerjasama dengan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor Darul Ehsan (JAKESS) merancang program ceramah perdana untuk kakitangan Mahkamah Syariah Negeri Selangor yang akan disampaikan oleh penceramah yang diundang khas oleh BAKEMAS sendiri. Ceramah perdana ini akan diadakan pada 19 September 2008 di Dewan Mesyuarat Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam. BAKEMAS dan JAKESS turut sama-sama merancang mengadakan majlis bacaan Yassin dan Tahlil serta majlis khatam al quran untuk ahli-ahlinya.




Menurut beliau lagi, program tahunan Tadarrus Al-Quran sempena Ramadhan terus dijalankan seperti yang diamalkan pada bulan-bulan Ramadhan yang telah lepas di setiap Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Masa tadarrus ini diperuntukan pada setiap awal pagi dan waktu rehat pejabat. Selain itu, BAKEMAS melalui Biro Pendidikan dan Dakwah telah menyediakan teks-teks bacaan tazkirah khusus untuk bulan Ramadhan ini yang telah pun dan sedang dibaca setiap pagi di mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh Selangor. Teks-teks yang diberi nama Nida' Ramadhan ini telah diedarkan kepada setiap

Mahkamah dan dibaca secara bergilir-gilir oleh setiap kakitangan mahkamah. Teks-teks ini mengandungi nasihat-nasihat berguna kepada kakitangan untuk diamalkan dalam bulan Ramadhan ini. Selain itu BAKEMAS turut mengemukakan pertandingan bagi menambah pengetahuan dan mengilap bakat semulajadi ahli-ahli. Pertandingan kuiz Ramadhan yang diadakan saban tahun turut menjadi tumpuan pada tahun ini. 22 soalan telah diedarkan kepada setiap Mahkamah Syariah Negeri Selangor. (.....sambung m.s 2)


Kepada mana-mana Mahkamah Syariah negeri Selangor yang ingin melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan atau dalam perancangan oleh mahkamah terbabit sempena bulan Ramadhan ini untuk dimasukkan dalam Buletin mingguan BAKEMAS (keluaran khas Ramadhan) boleh hubungi Tuan Azhar melalui panggilan telefon 03-55191291 atau secara email azhar_tohar@esyariah.gov.my



Hasil kajian mendapati lebih 95 peratus perokok Muslim menyatakan mudah untuk berhenti merokok pada Ramadan.”



Sebanyak 80 peratus perokok berjaya berhenti merokok dengan daya usaha sendiri melalui keazaman yang tinggi.



BULAN TERBAIK BERHENTI MEROKOK



PADA bulan Ramadan, umat Islam yang merokok dapat menahan diri daripada melakukan perbuatan itu hampir 13 jam selepas bersahur hingga berbuka puasa. Suasana dan rutin harian berubah apabila tiba Ramadan yang dilihat sangat kondusif dalam membantu perokok mengubah tabiat ketagihan seterusnya berusaha berhenti merokok berbanding bulan lain. Hasil kajian mendapati lebih 95 peratus perokok Muslim menyatakan mudah untuk berhenti merokok pada Ramadan.

Antaranya sebab yang menyukarkan seseorang berhenti merokok adalah sifat ketagihan terhadap nikotin, bahan bahaya kandungan asap rokok. Sindrom ketagihan terhadap

nikotin yang ditunjukkan dengan gejala gian, toleransi dan tarikan. Seseorang yang kehabisan rokok, kadang kala berkelakuan seperti resah, mempunyai perasaan marah dan tertekan.

Perokok sukar berhenti merokok kerana tubuhnya terbiasa dengan nikotin dan ketiadaannya antara dua hingga empat jam menyebabkan gejala gian. Walaubagaimanapun, pada Ramadan al-Mubarak, perokok yang aktif sekalipun boleh berhenti merokok melebihi 12 jam bermula dari sahur hingga berbuka. Perkara ini tidak dapat dijawab dengan sains kerana mengikut keadaan biasa selepas nikotin dalam darah menurun beberapa jam, otak akan memberi arahan meminta tambahan

nikotin. Tetapi, ternyata perkara ini tidak berlaku ketika Ramadan kerana perokok boleh berhenti melebihi 12 jam dan ini menandakan laluan rangsangan otak adalah tumpul pada masa itu. Hal ini disebabkan iman di dada sedar keperluan menunaikan ibadat puasa dan dengan kekuatan rohani itu mengatasi pengaruh jasmani atau fizikal.

Untuk berhenti merokok memerlukan motivasi, keazaman dan daya usaha yang gigih bagi mengatasi rasa ketagihan terhadap nikotin yang terkandung dalam asap rokok. Sebanyak 80 peratus perokok berjaya berhenti merokok dengan daya usaha sendiri melalui keazaman yang tinggi.

Pengalaman pakar perubatan mendapati, Ramadan memberi kelebihan kepada mereka yang berhajat meninggalkan tabiat merokok. Oleh itu, sewajarnya umat Islam mengambil peluang untuk mengatasi masalah ini



Sambungan dari muka hadapan

Para peserta kuiz hanya perlu menjawab secara bertulis. Yang menariknya pertandingan kuiz ini, peserta dibenarkan merujuk mana-mana kitab rujukan tetapi jawapan yang betul dan menepati skema jawapan sahaja akan diterima. Selain kuiz Ramadhan terdapat juga pertandingan teka silang kata, mengarang cerpen dan sajak. Hadiah untuk setiap pertandingan



ini dikhususkan kepada dua orang pemenang bagi peserta-peserta lelaki dan dua orang pemenang bagi peserta-peserta perempuan. Tarikh tutup bagi setiap


pertandingan ini adalah pada 22hb September 2008 jam 12.30 tengah hari. Segala soalan dan syarat-syarat pertandingan telah diedarkan kepada setiap Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Sebarang pertanyaan berhubung pertandingan ini boleh dikemukakan kepada Puan Ana Faiza Binti Md Nor di talian 013-3614128 atau secara faksimili 03-87062954.



Selamat Menunaikan Ibadah Puasa
Happy Blessed Ramadhan

NUZUL AL-QURAN

“ . . . K e m u d i a n ditegakkannya Rasul SAW baik-baik dan dikatakannya pula: "Bacalah!", yang ketiga kali, lalu berkatalah Jibril: "Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menjadikan,..."



“Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara Yang benar dengan yang salah...”
(Al-Baqarah: 185)



Ramadhan adalah bulan turunnya wahyu, kalam Tuhan. Al-quran. Peristiwa ini lebih dikenali sebagai Nuzul Al-Quran. Peristiwa ini bermula di bulan Ramadhan, tahun ke-41 keputeraan Rasulullah s.a.w S.A.W. Mulanya wahyu Allah s.w.t datang kepada Rasulullah s.a.w di dalam tidurnya berupa cahaya. Mimpi yang benar lagi hakiki. Kemudian Rasulullah s.a.w mengasingkan diri, menghabiskan waktu-waktunya di Gua Hira, puncak Bukit Jabal. Untuk Rasulullah s.a.w disediakan bekalan makanan oleh isteri tercinta, Khadijah.



Pada suatu ketika sedang Rasulullah s.a.w ber-tafakkur datanglah malaikat Jibril kepadanya, lalu berkata: "Bacalah! (Iqra)". Lalu Rasulullah menjawab; "Saya tidak pandai membaca." Lalu dipeluknya seerat-eratnya kemudian dilepaskan-nya Rasulullah dan dia berkata pula: "Bacalah!" Tetapi Rasulullah menjawab "Aku tidak pandai membaca!" Lalu dipeluknya seerat-eratnya lagi Rasulullah. Kemudian ditegakkannya Rasulullah s.a.w baik-baik dan dikatakannya pula: "Bacalah!", yang ketiga kali, lalu berkatalah Jibril: "Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menjadikan," sampai kepada hujung "Yang telah mengajarkan kepada manusia apa yang dia tidak tahu." Kemudian Jibril ghaib dan tinggallah Rasulullah seorang diri dalam kengerian. Lalu Rasulullah s.a.w bergegas pulang kepada isterinya Khadijah. Lalu Baginda berkata: "Selimutilah aku, selimutilah aku". Maka

segeralah Khadijah menyelimuti Baginda sehinggalah rasa dingin itu hilang. Baginda berkata kepada Khadijah: "Hai Khadijah, apakah yang telah terjadi atas diriku ini?" Lalu Baginda menceritakan segala yang telah baginda alami itu. Lalu menjawablah Khadijah: "Kallaa! Tak usah engkau takut, tetapi bergembiralah hatimu, kerana menurut pandanganku, demi Allah, tidaklah Allah akan mengecewakan engkau selama-lamanya, kerana engkau adalah seorang yang suka menghubungkan kasih sayang, memikul yang berat, menghormati tetamu, suka membantu orang dalam perjuangan menegakkan kebenaran."

Kemudian Khadijah membawa Baginda kepada sepupunya, Waraqah bin Naufal, seorang Nasrani di zaman jahiliyah, pandai menulis kitab-kitab dalam bahasa Arab, dan pernah pula menulis Injil dalam bahasa Arab sebagai salinan beberapa bahagian. Dan dia ketika itu telah tua dan buta. Khadijah berkata kepadanya: "Wahai putera pakcikku, dengarkan berita tentang anak saudaramu ini!" Maka berkatalah Waraqah: "Wahai anak saudaraku, apa yang telah terjadi atas dirimu?" Lalu Rasulullah s.a.w. menceritakan segala yang telah baginda alami itu. Waraqah berkata: "Itulah dia Jobril yang pernah turun kepada Musa. Sayang aku tidak muda lagi! Alangkah baiknya dipanjangkan Allah umurku sehingga aku turut mengalami ketika engkau diusir kelak oleh kaum engkau." Maka bertanyalah Rasulullah s.a.w. apakah mereka kelak akan mengusirku?. Waraqah menjawab: "Memang! Sekalika tidaklah datang kepada seseorang sebagaimana yang datang kepada engkau ini, melainkan pastilah dia akan dimusuhi. Kalau aku masih mendapati peristiwa itu kelak,



aku pasti akan menolong engkau." (Petikan dari Tafsir Al-Azhar, Prof. Hamka, Juzu' 30). Begitulah peristiwa mulanya turun wahyu Allah ke atas Baginda s.a.w. Besarnya Ramadhan kerana padanya turunnya wahyu. Keagungan Ramadhan sebagai bulan turunnya wahyu Allah ini dirakamkan dalam firman Allah s.w.t yang bermaksud: *“Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara Yang benar dengan yang salah...”* (Al-Baqarah: 185)

Peristiwa Nuzul al-Quran adalah antara perkara penting yang harus diingat dan direnung oleh setiap Muslim. Peristiwa Nuzul al-Quran berlaku pada Ramadhan, tahun ke-41 daripada keputeraan Nabi Muhamad saw. Bermula dengan peristiwa inilah, zaman jahiliyah yang diliputi kegelapan disinari cahaya, kesesatan digantikan kebenaran dan umat yang hidup bertuhankan hawa nafsu berubah kepada bertuhankan Allah yang Esa. Dalam erti kata lain, peristiwa Nuzul al-Quran menjana perubahan dan membina peradaban umat.

Al-Quran diturunkan oleh Allah bukan sekadar untuk dibaca atau dilagukan semata-mata, tetapi untuk ditadabburi maknanya dan menjadikannya sebagai panduan dan pedoman sepanjang hayat.

Ramadhan

Resipi



KETUPAT SOTONG

Bahan-bahannya:

1 kg sotong
400 gm beras pulut [dikukuskan dgn 400 gm santan cair]
5 cm halia(dimayang)
3 biji bawang merah(dimayang)
15 gm halba
500 ml santan
Lidi kelapa dipotong 2 inci
Gula & garam(secukup rasa)

Cara-caranya:

1. Sotong dibasuh sehingga bersih.
2. Terlebih dahulu beras pulut dibasuh dan direndam. Kukuskan separuh masak.
3. Kemudian beras pulut dimasukkan ke dalam perut sotong sehingga 3/4 badannya.
4. Tutup ruang terbuka badan sotong dengan lidi kelapa yang dipotong tadi supaya beras pulut tidak terkeluar.
5. Selepas itu rebus sotong tersebut dengan santan sehingga masak dengan api sederhana.
6. Masukkan halia, bawang, halba, gula & garam.
7. Masakkan ia sehingga mendidih dan agak pekat.

AYAM GORENG CORNFLAKE



Bahan-bahan (4 orang)

- 1 keping dada ayam
- 50g tepung gandum
- 1 biji telur gred b
- 2 sudu besar air

Bahan perap

- 1/2 sudu kecil lada hitam
- 1 sudu kecil rempah kari
- 1/2 sudu kecil serbuk cili
- 1/2 sudu kecil garam
- minyak secukupnya untuk menggoreng
- cornflake tanpa perisa secukupnya

Cara-cara

1. Bersih dan potong ayam kecil-kecil. Perapkan dengan bahan perap selama lebih kurang 10 minit.
2. Masukkan cornflake ke dalam beg plastik. Ramas biar kasar-kasar. Masukkan tepung, telur dan air ke dalam mangkuk. Kacau biar sebati.
3. Masukkan kepingan ayam satu persatu ke dalam adunan tepung tadi. Kemudian letak ke dalam beg plastik cornflake. Tutup mulut beg plastik tadi. Goncangkan biar cornflake bersalut pada ayam
4. Goreng dalam minyak panas sehingga keperangan atau ayam masak.